

09 MAR 2000

Abdullah-Sanggang

BN SUDAH BUAT PERSIAPAN BAGI PILIHAN RAYA KECIL SANGGANG

SUBANG, 9 Mac (Bernama) -- Barisan Nasional sudah membuat persiapan sebaik-baiknya bagi mempertahankan kerusi dewan undangan negeri Pahang kawasan Sanggang pada pilihan raya kecil 1 April, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata jentera BN akan bekerja bersungguh-sungguh untuk mengekalkan kerusi Sanggang yang dimenangi pada pilihan raya umum lepas.

"Tentu sekali kita mahu mengekalkannya...", katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang, selepas mengucapkan selamat jalan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berlepas untuk lawatan rasmi ke Indonesia.

Abdullah, Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas Timbalan Presiden, berkata jentera BN sudah dikenal pasti bagi membantu BN Pahang memastikan kemenangan BN dalam pilihan raya kecil itu.

Kerusi Sanggang kosong kerana kematian Datuk Abdullah Kia pada 26 Feb lalu. Beliau memenangi kerusi itu dalam pilihan raya umum lepas dengan majoriti 1,038, menewaskan calon Pas, Abdul Rahim Latif.

Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) pada mesyuaratnya semalam menetapkan 21 Mac sebagai tarikh penamaan calon pilihan raya kecil itu dan 1 April sebagai hari pengundian, jika ada pertandingan.

SPR juga menetapkan untuk menggunakan daftar pemilih 1999 yang disahkan pada 24 Feb lepas, yang mengandungi sejumlah 15,276 pengundi termasuk 99 pengundi pos bagi kawasan itu.

Abdullah berkata beliau yakin jentera BN akan bekerja bersungguh-sungguh untuk memastikan kemenangan BN.

Ketika menjawab pertanyaan sejauh mana pilihan raya kecil itu boleh dijadikan kayu pengukur penerimaan rakyat terhadap BN, beliau berkata ia tidak boleh dijadikan kayu pengukur.

Katanya, tidak ada pilihan raya kecil yang boleh dijadikan kayu pengukur bagi apa tujuan sekali pun.

Ini kerana apa yang berlaku dalam pilihan raya kecil tidak menggambarkan apa yang kemudiannya berlaku dalam pilihan raya umum, berdasarkan beberapa pilihan raya kecil yang lepas, kata beliau.

"Pilihan raya kecil dan pilihan raya umum ada skop berlainan dan ada matlamat berlainan," katanya.

Beliau diminta mengulas kecenderungan sesetengah pihak untuk melihat pilihan raya kecil Sanggang sebagai kayu pengukur sejauh mana penerimaan rakyat terhadap BN, yang berkemungkinan besar akan sekali lagi menghadapi PAS di situ.

Menurut Abdullah walaupun isu-isu yang timbul dalam pilihan raya kecil itu kelak mungkin agak sama dengan isu-isu ketika pilihan raya umum November lepas, skop pilihan raya kecil dan pilihan raya umum tetap berbeza.

-- BERNAMA

MNY NMO